

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
28 SEPTEMBER 2017**

1. KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MPSP

Sukacita dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **4 September 2017**

Majlis telah memutuskan penempatan pegawai-pegawai kanan

MPSP seperti berikut :

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Puan Siti Haslinda binti Hasan	Pengarah Khidmat Pengurusan
2.	Encik Wan Junaidy bin Yahaya	Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa
3.	Puan Norhayati binti Sulaiman	Pengarah Kemasyarakatan
4.	Encik Mohd Hairol bin Man	Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan
5.	Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi	Pengarah Pelesenan
6.	Encik Nazri bin Abdul Wahab	Pengarah Direktorat Penguatkuasaan
7.	Puan Kamariah binti Ramli	Timbalan Pengarah Perancang Bandar

Majlis dengan ini mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan berharap pegawai-pegawai dapat meneruskan kecemerlangan dalam perkhidmatan masing-masing.

2. KAJI SELIDIK PELAN STRATEGIK SEBERANG PERAI 2018 - 2022.

MPSP sedang merangka pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang dijadualkan siap pada bulan Disember 2017. Pelan Strategik ini merupakan dokumen hala tuju strategik dalam tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP.

Dikesempatan ini, MPSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan stakeholder kerana telah memberi kerjasama yang baik dalam menjawab Soal Selidik Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022. Soal Selidik Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 ini telah dipaparkan di laman web MPSP www.mpsp.gov.my dan dibuat edaran borang mulai 30 Ogos 2017 sehingga 25 September 2017.

Dalam tempoh 27 hari hebahan dan edaran soal selidik ini dilaksanakan, MPSP telah menerima sebanyak 10,027 responden yang memberi pandangan dan mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Hasil soal selidik juga mendapati sebanyak 5,683

responden (57 %) mengisi secara *online survey* dan sebanyak 4,344 responden (43 %) melalui borang yang telah diedarkan.

Hasil kajian juga mendapati sebanyak 5,926 responden (59 %) adalah daripada lelaki dan sebanyak 4,101 responden (41 %) adalah perempuan.

Stakeholders telah memilih sepuluh (10) Tumpuan Fokus Area yang menjadi keutamaan responden daripada keseluruhan tujuh belas (17) Tumpuan Fokus Area yang telah dibuka untuk pemilihan. Tumpuan Fokus Area yang dipilih adalah seperti Jadual A berikut :

**JADUAL A : SEPULUH (10) TUMPUAN FOKUS AREA YANG
DIPILIH OLEH PENDUDUK SEBERANG PERAI**

BIL.	FOKUS AREA	PILIHAN RESPONDEN
1.	Persekitaran yang selamat	8,298
2.	Kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti	7,732
3.	Gaya hidup sihat	7,687

4.	Pembangunan hijau dan persekitaran bersih	6,697
5.	Penerapan teknologi baru	6,522
6.	Ekonomi bandar yang berdaya saing	6,504
7.	Memperkukuhkan budaya dan warisan	6,047
8.	Bandar yang berdaya tahan dan berdaya huni	5,939
9.	Keterlibatan komuniti	5,934
10.	Pembangunan bandar yang inklusif dan saksama	5,873

Oleh itu, MPSP akan merangka Pelan Strategik melalui pelbagai program dan aktiviti berdasarkan kepada sepuluh (10) Fokus Area yang telah dipilih oleh *stakeholders* dan diselaras bersama Bajet MPSP 2018. Sepuluh (10) Fokus Area ini akan dijadikan sebagai *Strategic Priorities* yang dijangka dapat menghasilkan *outcome* yang realistik, berimpak tinggi dan berpaksikan rakyat.

3. PROGRAM PENANAMAN POKOK TABEBUIA SPP. (TECOMA) SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-60 PADA 27 OGOS 2017.

MPSP telah berjaya mencipta nama dalam *The Malaysia Book Of Records* (MBR) bagi kategori *Largest Tecoma (Tebebuia Spp.) Tree Planting Event* dengan menanam 3,002 batang pokok di seluruh Seberang Perai pada 27 Ogos 2017. Penganjuran program ini adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai bersama Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan MPSP, sektor swasta, Jabatan Perhutanan, Politeknik Seberang Perai, Kolej Komuniti, Hospital Bukit Mertajam, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan penduduk Seberang Perai SPT, SPU dan SPS.

MPSP telah mendapat tajaan sebanyak 5,280 batang pokok. Bagi program tersebut, sebanyak 3,002 batang pokok telah ditanam di seluruh Seberang Perai dan selebihnya akan ditanam dalam projek-projek penghijauan yang akan datang. Antara yang telah memberi sumbangan adalah Ahli-Ahli Majlis iaitu sebanyak 690 batang pokok, sumbangan individu daripada Puan Setiausaha Perbandaran MPSP, Jabatan Perhutanan pula menyumbang sebanyak 500 batang pokok, dan pihak pemaju

sebanyak 3,418 batang pokok manakala selebihnya adalah daripada bekalan MPSP sendiri.

Premium Sound Solutions Sdn. Bhd. juga telah menyumbang sebanyak 3,000 botol *mineral water* dan roti manakala SP Setia Bhd. pula telah menyumbang 3,000 sarung tangan dan mini skup tanah pada hari program tersebut.

Sehingga kini, sebanyak **243,000** batang pokok daripada pelbagai jenis telah ditanam di seluruh Seberang Perai.

4. PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan bahawa 1 Jun 2016 sebagai tarikh pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi mewajibkan setiap premis dari kategori yang telah dikenalpasti membuat pengasingan sisa pepejal yang dihasilkan.

Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini adalah sebahagian usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar kitar semula yang juga akan mengurangkan penghantaran sisa

pepejal ke tapak pelupusan dan sekali gus akan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan.

Melalui penerapan dan pembudayaan amalan kitar semula serta pengasingan sisa di punca, diharapkan masyarakat akan menghargai sisa pepejal sebagai satu sumber yang dapat digunakan sebagai alternatif kepada sumber bahan mentah kepada penghasilan produk baru.

Buat sementara, tindakan penguatkuasaan kompaun hanya dijalankan ke atas Management Corporation (MC) dan Joint Management Body (JMB) sahaja bermula 1 September 2017. Dengan penguatkuasaan ini, JMB dan MC akan disasarkan sekiranya gagal untuk menyediakan kawasan dan tong pengasingan sisa pepejal. Bagi premis bertanah dan punca lain sisa, tarikh penguatkuasaan kompaun akan dimaklumkan kemudian.

Oleh itu, bermula pada 1 September 2017, tindakan penguatkuasaan telah dijalankan oleh MPSP terhadap **70 daripada 284** bangunan berstatus strata (JMB/MC) yang berdaftar atau sebanyak **24.6%** dari jumlah keseluruhan. Jadual 1

di bawah adalah maklumat hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh MPSP :

**JADUAL 1 : STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN
TERHADAP JMB / MC**

Daerah	Bil. JMB/MC diperiksa	Bil. Kompaun dikeluarkan	Bil. Notis yang Dikeluarkan	Bil. JMB/MC yang melaksanakan
Daerah SPU	34	2	22	10
Daerah SPT	36	14	9	13
Jumlah	70	16	31	23
<p>Bil. JMB/MC yang diperiksa : 70</p> <p>Bil. JMB yang Dikompaun : 16</p> <p>Bil. notis yang dikeluarkan : 31 } <i>Bekas dan lokasi yang disediakan tidak sesuai.</i></p> <p>Bil. JMB/MC yang melaksanakan: 23</p>				

Oleh itu, baki **214** lagi bangunan berstatus strata di seluruh Seberang Perai akan diperiksa oleh MPSP secara berperingkat-peringkat sehingga semuanya selesai.

Walau bagaimanapun bagi pencapaian Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi kategori skim perumahan *landed*, tindakan pemantauan telah bermula sejak dari bulan Ogos 2016. Sebanyak 35,564 premis telah diperiksa dan didapati terdapat 11,203 premis yang **telah melaksanakan dasar ini** mewakili 31.5%. Sebanyak 16,430 premis yang **melaksana dengan kurang tepat** mewakili 46.2% dan **premis yang tidak melaksana** sebanyak 7,931 mewakili 22.3%. Jumlah notis yang telah dikeluarkan pada tahun 2016 pula adalah sebanyak 24,361.

Sejak 1 Januari 2017 sehingga 21 September 2017 pula, sebanyak 115,539 premis kediaman di Seberang Perai yang telah diperiksa. Sebanyak 45,657 premis kediaman **telah melaksana** dengan mewakili 39.5% manakala 40,351 premis yang **melaksana dengan kurang tepat** mewakili 35% dan bagi premis yang **tidak melaksana** adalah sebanyak 29,531 mewakili 25.5%. Notis yang telah dikeluarkan terhadap perumahan jenis *landed* ini bermula 1 Januari – 21 September 2017 adalah sebanyak 69,882. Pecahan status pelaksanaan penduduk bagi jenis perumahan jenis *landed* adalah seperti pada Jadual 2 berikut:

JADUAL 2 : STATISTIK PEMERIKSAAN KE ATAS SKIM

PERUMAHAN JENIS 'LANDED'

Tahun	Premis Diperiksa	Premis Melaksana	Premis Melaksana KurangTepat	Premis Tidak Melaksana	Notis
2016	35,564	11,203 (31.5%)	16,430 (46.2%)	7,931 (22.3%)	24,361
2017 (sehingga 21.9.2017)	115,539	45,657 (39.5%)	40,351 (35 %)	29,531 (25.5%)	69,882

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat, maka dasar ini harus dijadikan satu prinsip dan amalan kepada seluruh warga Pulau Pinang. Sokongan dan penglibatan masyarakat secara aktif dalam pelaksanaan pengasingan sisa di punca adalah satu faktor utama kepada kejayaan dasar ini.

5. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali pada 18 Oktober 2017 (Rabu) kepada semua masyarakat India di seluruh Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Diharapkan pesta cahaya pada tahun ini dapat memberi

kebahagiaan dan keceriaan kepada semua kaum India di negeri ini. Hari tersebut merupakan hari cuti umum.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Program MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 1 Oktober 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin akan diadakan pada 15 Oktober 2017 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 Oktober 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.